

# Kanak-kanak tiga tahun hilang ketika majlis hari raya

Oleh [Asrol Awang](#) - Mei 28, 2022 @ 12:58pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Kanak-kanak perempuan, Siti Nur Athhiyya Soffea Mohamad Sukri yang dilaporkan hilang oleh keluarganya. - Foto ihsan PDRM

KUANTAN: Kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun dilaporkan hilang ketika majlis hari raya anjuran keluarganya di rumah rakit di Bukit Rangin, di sini, malam tadi.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu, berkata Siti Nur Athhiyya Soffea Mohamad Sukri dilaporkan kali terakhir dilihat bapanya, Muhammad Sukri Ali, 50 pada 11.15 malam.

Siti Nur Athhiyya Soffea adalah anak tunggal dan memakai baju kurung merah di majlis itu.

"Berdasarkan laporan, kejadian itu disedari bapa mangsa, yang juga pengusaha rumah rakit berkenaan.

"Bapanya mendakwa sudah bertanya mengenai anaknya kepada semua tetamu yang hadir, namun tiada mengaku melihat kanak-kanak itu menyebabkan bapanya membuat laporan polis," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sementara itu, Penolong Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Ismail Abdul Ghani berkata, pihaknya menerima laporan kejadian itu jam 3.23 pagi.

"Seramai tujuh pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Indera Mahkota dijejakkan ke lokasi kejadian sebaik menerima laporan," katanya.

Berikut itu, operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa dilakukan sejak awal pagi kerana ada kemungkinan kanak-kanak itu terjatuh ke dalam sungai.